

*Mingguan Malaysia (Dlm Negevi) 19/10/08*  
*m/s 16*

## pelantikan YDP, EXCO MPPUMP esok

KUANTAN 18 Okt. - Upacara pelantikan Yang Dipertua dan barisan Exco Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Pahang (MPPUMP) sesi 2008/2009 yang memenangi pemilihan semalam, akan diadakan di universiti itu Isnin ini.

Pegawai Perhubungan Awam dan Media UMP, Nadzariah Mohamed berkata, pada majlis itu juga, seramai lima calon yang memenangi kerusi umum pemilihan MPPUMP itu akan ditentukan portfolio masing-masing.

Menurut beliau, kesemua barisan exco MPPUMP itu dijadual mengangkat sumpah di hadapan Naib Canselor universiti itu, Prof. Datuk Dr. Daing Mohd. Nasir Ibrahim, Khamis ini.

"Turut mengangkat sumpah ialah 10 pelajar yang memenangi kerusi fakulti pada pemilihan tersebut," katanya kepada *Mingguan Malaysia* ketika dihubungi hari ini.

Nadzariah memberitahu, pada pemilihan semalam, pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Mohd. Afif Abd. Aziz memperoleh undi terbanyak daripada enam calon yang bertanding untuk merebut lima kerusi umum universiti itu.

Katanya, empat lagi pelajar yang memenangi pemilihan bagi kerusi umum universiti itu ialah Mohamad Suffi Kamari (FKM), Nik Aimie Farah Nik Azhan (Fakulti Kejuruteraan Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian), Nur Izzah Zakaria (Fakulti Kejuruteraan Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian) dan Noor Izyannisa Sarjuni (Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli).

Menurut beliau, keputusan pemilihan diumumkan oleh Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni selaku Pengerusi Suruhanjaya Pemilihan MPPUMP sesi 2008/2009, Profesor Dr. Abd. Jalil Borham malam tadi.

Katanya, pemilihan kali ini bagi merebut lima kerusi umum dan 10 kerusi fakulti.

"Selain itu, terdapat empat kerusi fakulti yang diisytiharkan menang tanpa bertanding," jelasnya.

Nadzariah memberitahu, sebanyak 77.8 peratus daripada 4,715 pelajar yang layak mengundi keluar menyalakan tanggungjawab tersebut.

UMP, tambah beliau, menjalankan proses pengundian secara elektronik atau 'e-voting' dan keputusan diketahui sejurus selepas proses pemilihan tamat.

Katanya, sebanyak 30 komputer disediakan di dua pusat mengundi di UMP pada pemilihan kali ini.

Menurutnya, ini merupakan kali ketiga sejak 2006 pihaknya melakukan proses pengundian secara dalam talian dan tahap kerahsiaan undi adalah terjamin.